

Cuti lebih 150 hari boleh diguna pada tahun persaraan

B/H

06/01/2018 M/S 7

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memaklumkan kebenaran cuti rehat melebihi 150 hari bagi kakitangan awam boleh digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

“Bermula 1 Januari 2018, kerajaan memutuskan cuti yang dikumpulkan bagi maksud ganjaran wang tunai melebihi 150 hari, maka cuti berkenaan boleh dimohon untuk digunakan pada tahun persaraan.

“Melalui pekeliling dikeluarkan pada 2008, kerajaan memutuskan Gantian Cuti Rehat (GCR) yang boleh dikumpulkan oleh penjawat awam kekal 150 hari dan dibayar dengan wang tunai,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Berdasarkan peraturan sebelum ini, GCR yang dikumpul melebihi 150 hari tidak diambil kira untuk bayaran tunai apabila penjawat awam bersara.

Sebagai penambahbaikan, kerajaan bersejua membenarkan GCR melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan, iaitu 12 bulan sebelum tarikh persaraan kakitangan awam berkenaan.